

Mahasiswa menyantuni pelajar sekolah menengah

UB 12.5.2017 A7
KOTA KINABALU: Persatuan Belia Islam Nasional Universiti Malaysia Sabah (Pembina UMS) dengan kerjasama SMK Sindumin, Sipitang dan penduduk Kampung Patarikan Lawas, Sarawak telah mengadakan Program Generasi Harapan.

Program yang disertai oleh 18 fasilitator yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu merupakan satu inisiatif daripada Pakej Bakti Pembina yang telah ditawarkan untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar serta masyarakat dan seterusnya memperkenalkan UMS kepada masyarakat luar.



PARA mahasiswi IPTA bersama pelajar SMK Sindumin yang menyertai program itu.

“Generasi Harapan merupakan program susulan daripada program Desaku Harapan tahun lepas di Kg Petarikan, Merapok.

“Pembina UMS melihat betapa pentingnya turun kepada masyarakat untuk membantu membina jati

diri dan mengenali hakikat pencipta, kepimpinan dan kemanusiaan,” kata Darwins Affandy, selaku pengarah Program Generasi Harapan 2017.

“Program ini juga disertai oleh 80 pelajar SMK Sindumin dan penduduk Kampung

Petarikan, Merapok, Sarawak. Kesemuanya memberikan kerjasama yang sangat baik dan hebat. Harapan kami agar program sebegini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang,” kata Pengerusi Pembina UMS Darwis Mahmud.